

# Ideologi takfiri, tabdi' dasari kefahaman salah

Mudah mengkafirkan orang, ekstrem lakukan perbuatan kejam bertentangan Islam



Ideologi dibawa IS bertentangan dengan nilai Islam.

(GAMBAR HILASAN)

Kemunculan militan IS atau da'ish telah membuka mata dunia khususnya umat Islam mengenai keagasan yang boleh timbul akibat kefahaman yang salah dalam agama. Ia bukanlah satu fenomena yang belum pernah berlaku dalam sejarah umat Islam kerana hakikatnya fenomena itu didasari oleh ideologi takfiri.

Ideologi takfiri merujuk kepada pemikiran yang mudah mengkafirkan umat Islam lain seterusnya menghalalkan darah dan harta mereka. Ia mula timbul dengan sejarah kemunculan golongan Khawarij.

Walaupun fitnah Khawarij sering dikatakan bermula pada zaman Khalifah Saidina Ali Ibn Abi Talib, namun ideologi takfiri telah bermula sejak akhir zaman Khalifah Saidina Uthman Ibn Affan. Saidina Uthman telah dibunuh oleh orang yang menuduhnya sebagai kafir dan menyelewengkan al-Quran.

## Fitnah Pertama

Peristiwa pembunuhan beliau dikenali sebagai al-Fitnah al-Ula atau Fitnah Pertama yang telah membawa kepada Fitnah Kubra (fitnah besar) kemudian membawa kepada ketidakstabilan pada zaman Khalifah Saidina Ali yang turut dituduh sesat dan kufur serta dibunuh

oleh seorang Khawarij, Abd al-Rahman Ibn Muljam al-Muradi.

Pembunuh Saidina Ali pada mulanya dikenali sebagai seseorang yang amat kuat beribadah dan pernah belajar dengan Saidina Muaz Ibn Jabal.



ABDULLAAH  
Jaali

Begitulah sejarah ideologi takfiri yang pertama terbentuk dalam dunia Islam. Dengan ideologi ini, seorang yang mendakwa dirinya Muslim dan pejuang agama Islam sanggup membunuh sahabat Rasulullah SAW. Bahkan sejarah juga menunjukkan golongan yang memiliki ideologi takfiri juga boleh bertindak kejam terhadap umat Islam seperti sejarah golongan Azariqah, satu kumpulan Khawarij yang amat ekstrem.

Ideologi itu telah menumpahkan begitu banyak darah ulama dan umat Islam sepanjang sejarah. Selain daripada IS, kita juga boleh melihat gerakan militan ekstrem yang dikaitkan dengan Islam juga mendukung ideologi takfiri seperti Boko Haram di Nigeria, Shabab di Somalia, JI di Nusantara, al-Qaeda yang banyak tersebar di negara Islam serta gerakan lain seumpamanya.

Berdasarkan pengalaman memberi kaunseling terhadap

mereka yang terbabit aktiviti militan dan ekstrem ini, penulis mendapati ideologi takfiri itu sebenarnya disertai dan dimulakan dengan ideologi tabdi' terlebih dahulu.

Sikap tabdi' merujuk kepada sikap mudah menghukum bidaah kesesatan terhadap umat Islam lain yang berbeza pendapat dengan mereka. Apabila sikap tabdi' (mudah menuduh bidaah) telah menjadi kebiasaan dalam diri seseorang, ideologi takfiri akan lebih mudah untuk ditanam dalam minda dan hati mereka.

## Semangat jihad kefahaman salah

Setelah itu, pihak militan ekstrem akan membentangkan konsep al-Wala' (ketaatan) dan al-Bara' (melepaskan diri daripada ketaatan) dengan berteraskan ideologi takfiri bagi membentuk ketaatan (ketaksuhan) seseorang terhadap kumpulan mereka.

Akhir sekali, pihak militan ekstrem membentuk semangat jihad dengan kefahaman yang salah ini dan menghalalkan nyawa serta harta umat Islam lain yang telah dikafirkan mereka. Ini bermakna, pengertian jihad serta al-wala' dan al-bara' tidak akan dapat diseleweng oleh gerakan militan ekstrem melainkan mereka membentuk terlebih dahulu ideologi takfiri dan tabdi' ini.

Untuk menangani ancaman gerakan militan ekstrem ini,

pihak berkuasa, ilmuwan agama serta masyarakat perlulah benar-benar menolak fahaman takfiri dan tabdi' yang dibentuk atas nama agama. Peryelewengan yang dilakukan dengan bertopengkan agama amat sukar dikenali.

Ia ibarat racun yang dihidangkan bersama makanan dan hakikatnya tidak mampu disedari melainkan oleh seseorang yang mempunyai keahlian serta benar-benar ikhlas melakukan penelitian.

Oleh kerana golongan terbabit aktiviti gerakan militan ekstrem sebenarnya dipacu oleh kefahaman yang salah terhadap ajaran Islam, maka proses pemuliharaan mereka perlu dilakukan dengan memusnahkan kefahaman salah itu dan menggantikannya dengan kefahaman yang betul mengenai ajaran Islam.

Ini bukan satu proses yang mudah namun, akidah, ilmu dan akhlak berteraskan Ahli Sunah Wal Jama'ah (al-As-ha'irah dan al-Maturidiyah) yang dibentangkan kepada mereka telah membuktikan golongan yang terpengaruh dengan kefahaman militan ekstrem ini masih dapat diselamatkan serta diperbaiki.

## Penulis

ialah Perisarah kanan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan berpengalaman memberi kaunseling kepada pihak terbabit dalam IS serta ISIS.

## PEDOMAN



Diriwayatkan daripada Anas bin Malik beliau menceritakan:

"Nabi SAW menyukai buah labu. Suatu hari dihidangkan kepada Baginda SAW satu hidangan makanan atau Baginda diajarkan menikmati hidangan makanan. Aku mengutip labu yang ada di hidangan itu, lalu aku letakkan di hadapan Baginda kerana aku mengetahui Baginda menyuka-

Musnad Ahmad



Diriwayatkan daripada Aisyah, beliau berkata:

"Nabi SAW menyukai manisan juga madu"

Shahih Bukhari

Rasulullah bersabda bermaksud:

"Tidak ada solat apabila makanan telah terhidang dan apabila seseorang itu dibelenggu air dan air besar"

Riwayat al-Bukhari

Diriwayatkan daripada Abdullah bin al-Harith yang menceritakan:

"Kami telah makan bersama Rasulullah SAW daging bakar, daging panggang di masjid."

Musnad Ahmad

## Petikan:

Buku Kenali Rasul Kita: Muhammad SAW, Merti Kap Keperibadian dan Hidup Insan Mulia

# *Ideologi takfiri, tabdi' dasari kefahaman salah*

*Mudah mengkafirkan orang, ekstrem lakukan  
perbuatan kejam bertentangan Islam*



**K**emunculan militan IS atau da'ish telah membuka mata dunia khususnya umat Islam mengenai keganasan yang boleh timbul akibat kefahaman yang salah dalam agama. Ia bukanlah satu fenomena yang belum pernah berlaku dalam sejarah umat Islam kerana hakikatnya fenomena itu didasari oleh ideologi takfiri.

Ideologi takfiri merujuk kepada pemikiran yang mudah mengkafirkan umat Islam lain seterusnya menghalalkan darah dan harta mereka. Ia mula timbul dengan sejarah kemunculan golongan Khawarij.

Walaupun fitnah Khawarij sering dikatakan bermula pada zaman Khalifah Saidina Ali Ibn Abi Talib, namun ideologi takfiri telah bermula sejak akhir zaman Khalifah Saidina Uthman Ibn Affan. Saidina Uthman telah dibunuh oleh orang yang menuduhnya sebagai kafir dan menyelewengkan al-Quran.

### **Fitnah Pertama**

Peristiwa pembunuhan beliau dikenali sebagai al-Fitnah al-Ula atau Fitnah Pertama yang telah membawa kepada Fitnah Kubra (fitnah besar) kemudian membawa kepada ketidakstabilan pada zaman Khalifah Saidina Ali yang turut dituduh sesat dan kufur serta dibunuh

oleh seorang Khawarij, Abd al-Rahman Ibn Muljam al-Muradi.

Pembunuh Saidina Ali pada mulanya dikenali sebagai seseorang yang amat kuat beribadah dan pernah belajar dengan Saidina Muaz Ibn Jabal.



**ABDULLAAH  
Jalil**

Begitulah sejarah ideologi takfiri yang pertama terbentuk dalam dunia Islam. Dengan ideologi ini, seorang yang mendakwa dirinya Muslim dan pejuang agama Islam sanggup membunuh sahabat Rasulullah SAW. Bahkan sejarah juga menunjukkan golongan yang memiliki ideologi takfiri juga boleh bertindak kejam terhadap umat Islam seperti sejarah golongan Azariqah, satu kumpulan Khawarij yang amat ekstrem.

Ideologi itu telah menumpahkan begitu banyak darah ulama dan umat Islam sepanjang sejarah. Selain daripada IS, kita juga boleh melihat gerakan militan ekstrem yang dikaitkan dengan Islam juga mendukung ideologi takfiri seperti Boko Haram di Nigeria, Shabab di Somalia, JI di Nusantara, al-Qaeda yang banyak tersebar di negara Islam serta gerakan lain seumpamanya.

Berdasarkan pengalaman memberi kaunseling terhadap

mereka yang terbabat aktiviti militan dan ekstrem ini, penulis mendapati ideologi takfiri itu sebenarnya disertai dan dimulakan dengan ideologi tabdi' terlebih dahulu.

Sikap tabdi' merujuk kepada sikap mudah menghukum bidaah kesesatan terhadap umat Islam lain yang berbeza pendapat dengan mereka. Apabila sikap tabdi' (mudah menuduh bidaah) telah menjadi kebiasaan dalam diri seseorang, ideologi takfiri akan lebih mudah untuk ditanam dalam minda dan hati mereka.

### **Semangat jihad kefahaman salah**

Setelah itu, pihak militan ekstrem akan membentangkan konsep al-Wala' (ketaatan) dan al-Bara' (melepaskan diri daripada ketaatan) dengan berteraskan ideologi takfiri bagi membentuk ketaatan (ketaksuban) seseorang terhadap kumpulan mereka.

Akhir sekali, pihak militan ekstrem membentuk semangat jihad dengan kefahaman yang salah ini dan menghalalkan nyawa serta harta umat Islam lain yang telah dikafirkan mereka. Ini bermakna, pengertian jihad serta al-wala' dan al-bara' tidak akan dapat diseleweng oleh gerakan militan ekstrem melainkan mereka membentuk terlebih dahulu ideologi takfiri dan tabdi' ini.

Untuk menangani ancaman gerakan militan ekstrem ini,

pihak berkuasa, ilmuwan agama serta masyarakat perlulah benar-benar menolak fahaman takfiri dan tabdi' yang dibentuk atas nama agama. Penyelewengan yang dilakukan dengan bertopengkan agama amat sukar dikenali.

Ia ibarat racun yang dihidangkan bersama makanan dan hakikatnya tidak mampu disedari melainkan oleh seseorang yang mempunyai keahlian serta benar-benar ikhlas melakukan penelitian.

Oleh kerana golongan terbabat aktiviti gerakan militan ekstrem sebenarnya dipacu oleh kefahaman yang salah terhadap ajaran Islam, maka proses pemulihan mereka perlu dilakukan dengan memusnahkan kefahaman salah itu dan menggantikannya dengan kefahaman yang betul mengenai ajaran Islam.

Ini bukan satu proses yang mudah namun, akidah, ilmu dan akhlak berteraskan Ahli Sunah Wal Jama'ah (al-As-ha'irah dan al-Maturidiah) yang dibentangkan kepada mereka telah membuktikan golongan yang terpengaruh dengan kefahaman militan ekstrem ini masih dapat diselamatkan serta diperbaiki.



### **Penulis**

ialah Pensyarah kanan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan berpengalaman memberi kaunseling kepada pihak terbabat dalam JI serta ISIS.